

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 MAY 2016

Dr. M sebahagian daripada masalah - Waythamoorthy

Um - 22/5/2016

KUALA LUMPUR 21 Mei - Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waythamoorthy mendakwa Tun. Dr. Mahathir Mohamad sudah menjadi sebahagian daripada masalah dan tidak boleh diharapkan untuk mencari penyelesaian yang diperlukan negara.

Beliau yang menolak Deklarasi Rakyat berkata, deklarasi hasil idea Dr. Mahathir dan mendapat dukungan pakatan pembangkang itu bukan satu dokumen ke arah pembaharuan yang diharapkan, kerana kandungannya tidak mencerminkan kehendak tulen rakyat.

Katanya, deklarasi itu hanyalah sebahagian daripada pendekatan Dr. Mahathir untuk memujuk rakyat agar bangkit menentang kerajaan dengan membangkitkan tuduhan pihak berkuasa gagal menangani dakwaan salah laku dalam kepemimpinan sekarang.

"Dr. Mahathir mahu menggunakan deklarasi itu untuk memujuk rakyat dengan mendakwa berlaku salah laku dalam kerajaan dan cuba 'disorokkan di bawah karpet' tetapi ia tidak mencerminkan

kehendak tulen rakyat di negara ini.

"Bekas Perdana Menteri itu tidak boleh menjadi sebahagian daripada penyelesaian masalah seperti mana diharapkan rakyat kerana beliau merupakan sebahagian daripada masalah," katanya sebagaimana dipetik dari portal Free Malaysia Today hari ini.

Dr. Mahathir yang kini secara tidak langsung bertindak mengepalai blok pembangkang baru-baru melancarkan apa yang didakwa sebagai Deklarasi Rakyat dalam usahanya mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Tindakan tersebut kemudiannya mengundang kecaman banyak pihak kerana Dr. Mahathir dilihat tidak lagi mampu menjadi pengkritik yang berhemah, sebaliknya tindak-tanduk beliau lebih kepada dendam politik peribadinya terhadap Perdana Menteri.

Waythamoorthy berkata, deklarasi rakyat yang tulen perlu mengambil kira soal kedaulatan undang-undang serta menghormati Perlembagaan Persekutuan.